

23 FEB 2001

Mahkamah-Anwar

MAHKAMAH TOLAK PERMOHONAN ANWAR DAPATKAN KEBENARAN MERAYU

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Mahkamah Persekutuan hari ini menolak permohonan Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mendapatkan kebenaran bagi merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi menolak saman malu RM100 juta yang dikemukakan terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Hakim Negara Tan Sri Mohamed Dzaiddin Abdullah yang bersidang bersama-sama Hakim Besar Malaya Tan Sri Wan Adnan Ismail dan Hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Abdul Malek Ahmad, menolak permohonan itu dengan kos.

Anwar, bekas Timbalan Perdana Menteri, memohon kebenaran untuk membuat rayuan di Mahkamah Persekutuan selepas Mahkamah Rayuan mengekalkan keputusan Hakim Datuk Dr R.K. Nathan untuk menolak saman itu dengan kos.

Anwar mengemukakan saman itu pada Januari 1999 dengan mendakwa yang Dr Mahathir telah berbohong dan mempunyai niat jahat apabila beliau memberitahu persidangan berita di jabatan Perdana Menteri bahawa Anwar telah melakukan satu perbuatan tidak bermoral.

Dr Mahathir telah menyatakan dalam pembelaannya bahawa beliau telah menyebut kata-kata itu atas sifatnya sebagai Perdana Menteri dengan perlindungan bersyarat.

Mohamed Dzaiddin berkata selepas membaca alasan penghakiman Nathan, panel itu mendapati bahawa hakim Mahkamah Tinggi itu telah menangani isu kewajaran dan perlindungan bersyarat dengan tepat yang dibangkitkan oleh Dr Mahathir dalam pembelaannya.

"Kami suka menambah bahawa beliau bergantung kepada fakta yang diperakui dan pengakuan kepada perlakuan kelucahan melampau dalam kes jenayah membabitkan (Dr) Munawar (Ahmad Anees) dan Sukma (Darmawan Sasmitaat Madja) untuk memutuskan penghakimannya bahawa perkataan-perkataan yang diucapkan oleh Dr Mahathir mengandungi kewajarannya," katanya.

Munawar ialah bekas penulis ucapan Anwar manakala Sukma merupakan adik angkat bekas timbalan perdana menteri itu.

Kedua-duanya dihukum penjara masing-masing enam bulan oleh Mahkamah Sesyen pada 19 Sept 1998, selepas mereka mengaku salah membenarkan Anwar meliwat mereka.

Mengenai perlindungan bersyarat, Mohamed Dzaiddin berkata mahkamah juga mendapati bahawa hakim berkenaan telah menggunakan ujian yang betul dan undang-undang membabitkan fakta dan keadaan kes itu.

Mohamed Dzaiddin berkata faktor penting yang patut diambil kira oleh Mahkamah Persekutuan ialah satu penilaian mengenai prospek kejayaan, jika kebenaran diberikan kepada Anwar.

"Ia bagaimanapun tidak perlu bagi perayu menunjukkan kepada mahkamah kemungkinan dan satu keberangskalian munasabah rayuan itu berjaya jika kebenaran diberikan," katanya.

Apa yang Anwar perlu lakukan ialah menunjukkan pada tanggapan pertama rayuan itu mungkin berjaya, kata Mohamed Dzaiddin.

Menurutnya pada peringkat ini, mahkamah mendapati peguam Anwar, Karpal Singh, hanya mengemukakan afidavit sokongan yang "jika mana-mana atau semua isu yang dibangkitkan diputuskan berpihak kepada pemohon, terdapat kes prima facie untuk berjaya dalam rayuan itu".

Bagaimanapun, Ketua Hakim itu berkata Karpal Singh tidak mengemukakan penghujahan mengenai perkara ini bagi menunjukkan bahawa terdapat kes prima facie untuk berjaya dalam rayuan.

Beliau berkata bukan amalan Mahkamah Persekutuan, mengikut kebiasaan English House of Lords, untuk memberi sebab-sebab jelas membenar atau

menolak satu permohonan untuk mendapatkan kebenaran.

Bagaimanapun, dalam permohonan ini, mahkamah berpendapat bahawa adalah perlu untuk menyatakan sebab-sebab menolak memberikan kebenaran, katanya.

Peguam Datuk Mohamed Adnan Shuaib dan N.Chandran mewakili Dr Mahathir.

-- BERNAMA

SBB AHH JK LAT RON